



SIARAN AKHBAR

BAHAGIAN PERISIKAN KEWANGAN DAN PENGUATKUASAAN, AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM MENJADI AHLI KEPADA *EGMONT GROUP OF FINANCIAL INTELLIGENCE UNITS*

Bahagian Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan (BPKP), Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah diterima sebagai salah satu daripada lapan ahli baru kepada Egmont Group di Mesyuarat Plenari Egmont Kali Ke-22 yang telah diadakan di Peru, Lima pada 1 – 6 Jun 2014.

Egmont Group merupakan sebuah rangkaian global yang terdiri daripada Unit-Unit Perisikan antarabangsa. Kumpulan tersebut ditubuhkan pada tahun 1995 di Egmont Arenberg Palace, Brussels, Belgium bagi menggalakkan pembangunan dan kemajuan Unit-Unit Perisikan Kewangan dan meningkatkan kerjasama dalam pertukaran maklumat di antara ahli-ahli dalam menyokong usaha membentasi pembersihan wang haram dan pembiayaan penganasan (*Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism – AML/CFT*).

Sebagai ahli penuh kumpulan tersebut, BPKP akan diberikan kemudahan menggunakan *Egmont Secure Web* bagi pertukaran maklumat perisikan kewangan secara terjamin. BPKP juga akan mengambil bahagian dalam *decision making process* kumpulan tersebut sepertimana jua yang dinyatakan di dalam *Egmont Charter*.

BPKP telah membuat permohonan untuk menjadi ahli kepada Egmont Group pada bulan Oktober tahun 2013. Sepertimana yang diperlukan oleh proses keahlian Egmont Group, BPKP telah ditaja oleh dua buah Unit Perisikan Kewangan antarabangsa yang sudah menjadi ahli kepada kumpulan tersebut, iaitu Anti-Money Laundering Office, Thailand dan Korea Financial Intelligence Unit, Financial Services Commission. Pada bulan Januari tahun ini, satu lawatan *on-site* telah dikendalikan oleh Unit-Unit Perisikan Kewangan tersebut bagi memastikan FIEU memenuhi syarat-syarat untuk membolehkannya menjadi ahli. Pada bulan Jun 2014, BPKP disahkan menjadi ahli setelah diberi sokongan oleh Egmont Outreach Working Group dan Egmont Legal Working Group.

Ini merupakan *milestone* yang penting di mana BPKP menyertai 145 Unit-Unit Perisikan Kewangan antarabangsa. Ia juga menunjukkan kepatuhan terhadap *Financial Action Task Force Recommendation 29* yang menghendaki Unit-Unit Perisikan Kewangan untuk memohon untuk menjadi ahli kepada Egmont Group.

BPKP berfungsi sebagai agensi pusat bagi penerimaan dan penganalisaan laporan transaksi yang mencurigakan dan maklumat lain yang berkaitan dengan pembersihan wang haram dan pembiayaan penganasan. Hasil analisis tersebut dikongsikan kepada agensi-agensi penguatkuasa undang-undang dan piha-pihak berkuasa lain bagi membantu dalam siasatan AML / CFT mereka. Bagi maklumat lanjut mengenai BPKP, sila layari <http://www.ambd.gov.bn/financial-intelligence-enforcement>.